

CNS4779

R EB 07-10 00178 BB012

aab

PERLAKSANAAN KERJASAMA EKONOMI ASEAN LEMBAB: MAHATHIR  
MEA - Mahathir (Kerjasama)

I

KUALA LUMPUR, 7 Okt<sup>91</sup> (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa pelaksanaan kerjasama ekonomi Asean masih +terlalu+ perlahan kerana pelbagai halangan yang terpaksa dilaluinya.

Beliau berkata kini, telah hampir empat tahun Sidang Kemuncak Asean yang lepas diadakan, di mana pelbagai cadangan dibuat untuk menggalakkan kerjasama ekonomi Asean.

+Kita nampaknya tidak mempunyai keberanian dari segi politik yang diperlukan untuk bergerak ke hadapan dan melaksanakan projek-projek kerjasama yang akan menguntungkan kita pada masa jangka panjang,+ katanya ketika merasmikan Mesyuarat Menteri Ekonomi Asean (MEA) di sini.

Beliau berkata sekiranya Asean mahu melangkah masuk ke abad ke-21 sebagai sebuah kuasa ekonomi dan politik yang disegani oleh negara lain, +kita perlu mengambil keputusan dari sekarang.+

Ketika merujuk kepada Sekretariat Asean, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, peranan penting sekretariat itu dan fungsi Asean sebagai sebuah pertubuhan tidak boleh diabaikan ketika Asean bergerak ke hadapan dengan pelbagai program ekonomi dan kerjasama perdagangan. -- Lagi

♥07/10/13-06MST

CNS4788

R EB 07-10 00147 BB013

aab

MEA - Mahathir (Kerjasama) 2 Kuala Lumpur

Sebuah pertubuhan hanya dapat menjadi cekap dan berkesan sekiranya mendapat sokongan padu daripada sekretariatnya, katanya.

Beliau berpendapat bahawa sekretariat perlu dirombak bersama-sama jawatankuasa-jawatankuasa Asean yang lain untuk memastikan keputusan dan pelaksanaan dibuat dengan cepat.

+Memandangkan aktiviti Asean ialah dalam bidang ekonomi, aspek ini perlu dititikberatkan dan diperkukuhkan dalam rombakan struktur Asean di masa hadapan,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menggesa institusi penyelidikan di Asean supaya menyelaraskan usaha mereka dan berkongsi maklumat dalam bidang saintifik dan sosial.

Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan di beberapa bidang, lebih banyak usaha dapat dilakukan, katanya.

Beliau berkata negara-negara anggota Asean membelanjakan wang yang banyak setiap tahun untuk mendapatkan khidmat perunding asing bagi menjalankan kajian walaupun kepakaran yang sama boleh diperolehi di rantau ini dengan kos yang lebih murah.

Beliau berkata penyelidikan dalam bidang komoditi merupakan salah satu daripada kekuatan Asean.

Perdana Menteri berkata walaupun sesebuah negara selalunya keberatan untuk berkongsi kepakaran dalam bidang itu kerana implikasi-implikasi ekonomi, +kita tidak boleh secara total mengetepikan kemungkinan kepada kerjasama itu.+

Sambil memberi contoh minyak sawit dan minyak kelapa, beliau berkata kedua-dua barangan itu telah menjadi mangsa kepada kempen kotor untuk memburuk-burukkannya oleh beberapa kumpulan asing.

+Melalui pengkongsian maklumat dan kerjasama yang lebih di kalangan institusi dan agensi di negara-negara terbabit, kempen-kempen seperti itu boleh disekat dengan lebih berkesan.